



## MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor (Kelas G3) Bumiputera Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan bidang kerja berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :-

Bil	No. Sebutharga	Nama Projek	Kategori	Harga Dokumen (RM)	Lawatan Tapak
1)	MDGM: 18/2024	MENAIKTARAF TANDAS AWAM HENTIAN REHAT DAN RAWAT RANTAU MANIS, GUA MUSANG	<b>G3</b> B – Pembinaan Bangunan (B04 & B10) & C – Pembinaan Kejuruteraan Awam (CE20 & CE21)	RM150.00	<b>Lawatan Tapak Tidak DIWAJIBKAN (Sila rujuk bahagian Pembangunan Dan Kejuruteraan untuk maklumat lanjut)</b>

**\*\*Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membeli borang tender.**

- 2) Dokumen sebutharga boleh didapati dari **BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEJURUTERAAN, ARAS 1, PEJABAT MAJLIS DAERAH GUA MUSANG** dan dijual secara tunai mulai **21 April 2024 (Ahad)** hingga **25 April (Khamis)** dalam waktu berikut:-

<u>HARI</u>	<u>WAKTU</u>
Ahad – Rabu	9.00 pagi – 4.00 petang
Khamis	9.00 pagi – 3.00 petang

- 3) Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan (SPKK) yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor (Asal dan Salinan), Sijil Peroleh Kerja Kerajaan (SPKK) (Asal dan Salinan), Surat Pengiktirafan Bumiputera (Asal dan Salinan), atau salinan yang di akui sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta kad pengenalan penama untuk tujuan pengesahan.

- 4) Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis **No. Sebutharga, Nama Projek dan Tarikh Tutup Sebutharga**, dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan MDGM** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **28 April 2024 (AHAD)**.
- 5) Majlis Daerah Gua Musang tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga yang dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah.



**AHMAD HAMDAN BIN UBAIDAH**  
**Setiausaha**  
**Majlis Daerah Gua Musang.**